

10/01/1998

Usah percaya khabar angin

Faizal Fadzil; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat tidak mempercayai khabar angin kerana ia hanya akan mendatangkan masalah kepada rakyat dan negara sendiri.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak memahami mengapa rakyat masih mempercayai khabar angin, sedangkan kerajaan selalu membuat kenyataan yang terbukti benar.

"Berapa kali dah saya resign (letak jawatan). Berapa kali dah saya pitam. Berapa kali dah saya bubar Kabinet dan buat Kabinet baru, tetapi semuanya tak betul.

"Tetapi bawa juga rumours baru kononnya anak saya commit suicidelah (bunuh diri) ... apalah ... semua saya tak fahamlah.

"Ada orang yang suka nak dengar rumours ... saya tak tahu kenapa kita harus beri penilaian yang begitu tinggi kepada rumours sedangkan kerajaan selalu buat kenyataan yang selalunya didapati benar.

"Kalau kita kata kita ada duit, kita memang ada duit. Kalau kita cakap kita ada gula, kita memang ada gula. Tetapi hendak percaya kepada rumours juga," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, sikap mempercayai khabar angin itu menyebabkan banyak masalah timbul kepada negara.

"Kita buat satu rumours bahawa satu bank nak bankrap. Bila kita tarik keluar duit dari bank, masalahlah bank itu.

"Bukan kata dia nak bankrap, dia tak bankrap pun tapi kita yang buat dia bankrap. Itu pun dia tak bankrap juga sebab bank di Malaysia kukuh, kuat dan berani," katanya.

Dr Mahathir juga menolak tanggapan bahawa khabar angin dipercayai kerana ia disebarkan pemimpin peringkat tinggi.

"Itu tidak benar. Satu orang kata saya dengar daripada orang ini. Tapi bila kita periksa orang itu, dia tak kata apa pun. Dia nak bagi credibility dia katalah dah jumpa PM lah ...," katanya.

Beliau juga menolak kenyataan kerajaan tidak memberi maklumat yang secukupnya sehingga berlaku khabar angin.

"Saya tidak percaya itu sebab kita dah beri maklumat yang secukupnya. Umpamanya kita kata bank kita kukuh, asas kita baik. Ia bukan saja diulang-ulang oleh kita, tetapi juga pihak berkuasa asing termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), semua orang kata asas kita bagus. Tetapi dia kata kononnya begini, sebenarnya nak collapse (runtuh).

"Walaupun saya kata saya sihat, tetapi dia kata sebenarnya dia (PM) tak sihat, dia nak sembunyi," katanya.

Mengenai kemungkinan wujudnya rasa tidak yakin kepada kepemimpinan negara, Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak ramai yang tidak yakin kepada kepemimpinan negara.

"Saya nampak ramai yang konfiden. Tetapi ada jenis orang kita yang tak boleh konfiden dengan apa pun," katanya.

(END)